

**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA
SEMPENA HARI PSIKOLOGI KEMENTERIAN KERJA RAYA
2021**

9 NOVEMBER 2021

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Terima kasih saudari Pengacara Majlis.

SALUTASI

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayah-Nya jua kita dapat bersama-sama pada pagi ini dalam Majlis Sambutan Hari Psikologi KKR bagi tahun 2021.

2. Tahniah saya ucapkan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) selaku penganjur majlis kita pada hari ini. Sambutan Hari Psikologi ini adalah satu usaha Kementerian untuk memupuk kesejahteraan psikologi dalam kalangan warga Kerja Raya terutama di dalam suasana pandemik Covid-19 yang amat mencabar pada ketika ini.

DASAR PEMULIHAN NEGARA DAN KONSEP “KELUARGA MALAYSIA”

3. Setelah hampir dua (2) tahun kita berusaha memerangi pandemik Covid-19 secara berterusan, Alhamdulillah kini negara sedang menuju ke arah pemulihan. Di Malaysia, kita seharusnya bersyukur kerana Kerajaan sangat serius dalam membangun dan melaksanakan Dasar Pemulihan Negara (PPN) yakni mengimbangi di antara kehidupan dan kesinambungan hidup. Ia dilaksanakan melalui pelbagai kaedah terutamanya Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan di seluruh negara yang telah menunjukkan penurunan jumlah kes positif Covid-19 dari semasa ke semasa. Kejayaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan ini telah membolehkan Malaysia membuka semula sektor ekonomi dan memberi kelonggaran secara berhati – hati, secara berfasa – fasa daripada 1 hingga 4 bagi membolehkan negara menuju ke arah status endemik.

4. Seiring dengan itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mewujudkan dasar baharu iaitu konsep “Keluarga Malaysia”. “Keluarga Malaysia” ini adalah inisiatif kerajaan dalam membentuk nilai-nilai murni seperti mana selalu wujud dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Sikap toleransi, hormat menghormati, bersama-sama dalam pelbagai keadaan dan bersikap adil adalah faktor utama dalam membina keluarga yang sejahtera. Saranan ini juga bertujuan

mengajak seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira sosio-budaya dan sosio-ekonomi untuk bersama-sama berganding bahu memulih dan membangunkan ekonomi demi mencapai kesejahteraan rakyat dan negara.

PENERAPAN KONSEP “KELUARGA KKR” DAN TEMA HARI PSIKOLOGI KKR 2021 “MERAIKAN KEHIDUPAN”

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Konsep “Keluarga Malaysia” juga perlu kita terapkan di dalam Kementerian ini bagi membentuk dan mengekalkan nilai-nilai murni yang telah dibina selama ini. Penerapan konsep “Keluarga KKR” perlu diwujudkan dan diaplikasikan oleh semua warga kerja di setiap peringkat bagi mewujudkan budaya kerja yang harmoni, bekerjasama, menghargai satu sama lain dan saling hormat menghormati. Dari situ, ia akan membentuk warga kerja yang bersatu hati dan bersepakat dalam mengembleng tanggungjawab yang diamanahkan secara positif.

6. Pada hari ini, Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) menyambut Hari Psikologi peringkat Kementerian yang bertemakan “Meraikan Kehidupan” bersempena dengan Bulan Kaunseling dan Bulan

Kesedaran Kesihatan Mental Sedunia. Tema ini dipilih bagi menyemarakkan nilai penghargaan terutama dari aspek psikologi seperti kepentingan interaksi dalam masyarakat, percaya diri dan kesedaran berkaitan kesihatan mental dan fizikal. Semua ini berteraskan kepada konsep kebersamaan sebagai sebuah keluarga dalam memahami kepentingan perhubungan sosial, yang selama ini menjadi tunjang kepada perkembangan yang sihat dalam masyarakat dan mencapai kesihatan mental yang baik.

7. Pelbagai program dan aktiviti telah dirancang pada hari ini bertujuan mengimbas kembali kehidupan sebelum pandemik seperti aktiviti sosial, pelancongan serta gaya hidup sihat masyarakat. Setiap warga kerja juga akan didedahkan dengan persediaan ke arah fasa pra-endemik melalui penerapan nilai-nilai positif dan meningkatkan ketahanan diri. Selain itu, ia juga mengupas peranan individu dalam menguruskan kembali identiti diri ke arah penyesuaian norma baharu setelah menghadapi cabaran pandemik sekian lama.

PENERIMAAN BERKAITAN KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI **DIKALANGAN MASYARAKAT**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Sebelum ini pelbagai isu berkaitan kepincangan sosial dilaporkan oleh pihak media sama ada di media cetak atau media elektronik. Isu sosial yang sering dilaporkan adalah seperti peningkatan kes kesihatan mental, bunuh diri, tekanan emosi, keganasan rumah tangga, memandu secara merbahaya, serangan seksual dan sebagainya. Berdasarkan statistik daripada PDRM, sebanyak 638 kes bunuh diri dilaporkan antara Januari hingga Julai 2021, iaitu peningkatan sebanyak 143 peratus, berbanding 262 kes untuk tempoh sama pada tahun 2020.

9. Berdasarkan statistik kes keganasan rumah tangga pula, sebanyak 5,260 kes dilaporkan melalui Talian Kasih sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) antara Mac hingga Disember 2020, manakala antara Januari hingga Ogos 2021, sebanyak 4,905 kes telah dilaporkan. Dapatan daripada KKM menerusi Talian Bantuan Sokongan Psikososial dari Januari hingga Jun 2021 pula melaporkan sejumlah 122,328 panggilan diterima membabitkan kehilangan pekerjaan dan pendapatan, masalah rumah tangga dan tekanan ketika bekerja dari rumah.

10. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019 mendapati sebanyak 2.3 peratus iaitu 500,000 golongan dewasa mengalami kemurungan dengan pecahan seperti berikut, golongan B40 sebanyak 2.7 peratus, M40 sebanyak 1.7 peratus dan T20 sebanyak 0.5 peratus. Negeri tertinggi yang mencatatkan kemurungan adalah Putrajaya sebanyak 5.4 peratus, diikuti Negeri Sembilan sebanyak 5 peratus, Perlis sebanyak 4.3 peratus, Sabah sebanyak 4 peratus dan Melaka sebanyak 3.8 peratus. Ini jelas menunjukkan bahawa kesejahteraan psikologi sangat penting dalam mempengaruhi kesihatan mental dan fizikal seseorang kerana ia berupaya mempengaruhi peranan individu dalam masyarakat bagi membentuk kesejahteraan sosial dan meraikan kehidupan ke arah yang lebih proaktif.

11. Penerimaan masyarakat terhadap kesihatan mental semakin terbuka berikutan usaha berterusan golongan profesional dalam bidang kesihatan mental dengan memberikan perkhidmatan advokasi kepada masyarakat di luar sana. Keterbukaan masyarakat untuk berkongsi isu-isu peribadi sama ada konflik keluarga, masalah kewangan, isu dalaman sendiri, dan pelbagai isu lain yang dihadapi semasa pandemik COVID-19 ini adalah sangat baik bagi

mendapatkan rawatan secara sistematik dan terapeutik dalam membantu diri.

INISIATIF BPSM KKR DALAM MEMBENTUK MODAL INSAN YANG PROAKTIF DAN CEMERLANG

12. KKR melalui BPSM telah mengambil inisiatif dengan menawarkan perkhidmatan psikologi secara profesional di Kementerian bagi memastikan tahap kesejahteraan dan kesihatan psikologi warga kerja terjamin. Perkara ini dibuktikan apabila BPSM, KKR telah dianugerahkan penarafan markah pencapaian cemerlang 95.8% di dalam Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia (SKPPSM) pada tahun 2019, yang mana KKR merupakan tiga (3) kementerian terbaik di kalangan semua kementerian. Pada tahun 2021, KKR berharap penarafan seumpama ini dapat dikekalkan bagi meneruskan prestasi cemerlang di kalangan warga kerja raya. *All the best* BPSM bagi pengauditan SKPPSM kali ini.

13. BPSM telah mewujudkan pelbagai inisiatif baharu semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan mewujudkan program-program pembangunan dan intervensi secara atas talian seperti Bean Bag Talk @SPECTRUM, pendedahan

elektronik berkaitan pengurusan psikologi diri, penilaian psikometrik, dan sesi intervensi kaunseling bagi merealisasikan kesejahteraan psikologi dan pembangunan modal insan terhadap warga kerja.

14. Penerimaan perkhidmatan psikologi di KKR adalah menjadi faktor kepada usaha ini bagi membantu warga Kerja Raya dalam mendapatkan info-info mengenai perkhidmatan psikologi semasa pandemik Covid-19 melanda. Ini dapat dilihat melalui statistik Cawangan Pengurusan Psikologi, di mana sebanyak 1,104 sesi intervensi kaunseling telah dijalankan dari Januari hingga Oktober 2021 dengan 520 sesi intervensi dijalankan secara atas talian selaras dengan pematuhan SOP. Ini menunjukkan bahawa warga Kementerian Kerja Raya dan agensi cakna dalam melihat perkhidmatan psikologi ini sebagai salah satu *platform* untuk membantu diri ke arah yang lebih positif dan sejahtera. Pelbagai isu yang berkaitan pembangunan sendiri, pengurusan emosi, kewangan, pembangunan kerjaya dan isu keluarga dan rumah tangga dapat dibantu melalui perkhidmatan psikologi.

15. BPSM juga telah merancang beberapa strategi dalam Pelan Pembangunan Sumber Manusia (PSPSM 2021-2025) berteraskan ke arah kesejahteraan psikologi warganya. Saya melihat ianya satu usaha baik yang telah diketengahkan oleh BPSM bagi memastikan

Kementerian ini kekal memberikan perkhidmatan cemerlang melalui pembangunan modal insan yang mampan.

16. Pada hari ini saya amat berbesar hati kerana usaha BPSM ini mendapat sokongan daripada semua warga kerja yang hadir. Bersama-sama kita meraikan Sambutan Hari Psikologi Kementerian Kerja Raya dan meraikan kehidupan dalam suasana “Keluarga KKR, Keluarga Malaysia”.

17. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan ini saya merasmikan **Sambutan Hari Psikologi Kementerian Kerja Raya Tahun 2021** bertemakan “**Meraikan Kehidupan**” dan juga, merasmikan **Buku *Psycho-pedia*** Kementerian Kerja Raya. Wabillahitaufiq Wal Hidayah, Wassalamualaikum w.b.t. Terima kasih